

Rebat Bagi Program-program Kemahiran Yang Berkaitan Dengan Bidang Makanan di Rimbunan Hijau Akademi (RHA)

SIBU: Rimbunan Hijau Akademi (RHA) baru-baru ini telah memperkenalkan dua program terbaharu iaitu Penyajian Makanan dan Minuman dan Penyediaan Pastrri.

Kedua-dua program yang ditawarkan ini adalah bagi Tahap 2 Sijil Kemahiran Malaysia.

RHA turut menawarkan diskaun kepada para pelajar yang terawal mendaftar di RHA.

Program-program ini merangkumi kedua-dua kaedah pembelajaran, iaitu praktikal dan teori, di mana pelajar perlu menghadiri kelas selama lapan bulan, diikuti tiga bulan latihan praktikal.

Keutamaan program-program ini adalah melengkapkan para pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan asas yang membuatkan mereka menjadi lebih proaktif dan kompeten

dalam bidang masing-masing.

Selepas tamat menghadiri program ini, individu terlibat akan lebih mengetahui dan boleh menyediakan operasi perkhidmatan makanan secara profesional bagi memastikan kepuasan perkhidmatan pelanggan dan mereka juga dijangka untuk lebih berpengetahuan dalam mengendalikan produk-produk dan material berkaitan pastrri yang selaras dengan

prosedur pengendalian operasi.

Kemahiran yang diterap adalah mencukupi untuk melengkapkan pelajar bagi menghadapi cabaran dunia pekerjaan pada masa hadapan.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program-program ini, sila layari www.rhacademy.edu.my atau hubungi kami di talian 082-216285/286 untuk maklumat lanjut dan terkini.



MENARIK: Antara reka bentuk Penyajian Makanan dan Minuman dan Penyediaan Pastrri.



KREATIF: Contoh rekabentuk Penyajian Makanan dan Minuman dan Penyediaan Pastrri yang dipelajari di RHA.